

15/01/2002

Parti komponen dijangka terima PBS

KOTA KINABALU, Isnin - Semua parti komponen Barisan Nasional (BN) dijangka tidak menentang keputusan menerima semula Parti Bersatu Sabah (PBS) ke dalam BN, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Timbalan Perdana Menteri berkata, bagaimanapun, keputusan menerima semula PBS ke dalam BN hanya akan diketahui selepas semua parti komponen BN bermesyuarat tidak lama lagi.

"Setakat yang saya tahu, tidak ada parti komponen BN yang menentang (kemasukan PBS)," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Konvensyen Penerangan Umno Sabah 2002 di bangunan Tabung Haji negeri di Sembulan di sini, hari ini.

Abdullah yang juga Timbalan Pengerusi BN pusat diminta mengulas perkembangan terbaru permohonan PBS menyertai semula BN selepas 11 tahun bertindak keluar dari gabungan berkenaan.

Pada hari terakhir Kongres tahunan PBS ke-16 pada 13 November lalu, Majlis Tertinggi (MT) PBS memutuskan menyertai semula BN. Dua hari kemudian, presidennya, Datuk Joseph Pairin Kitingan menyerahkan surat permohonan itu kepada Pengerusi BN yang juga Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Parti PBS pernah menyertai BN pada 1986 tetapi mengambil keputusan keluar daripada gabungan berkenaan beberapa hari sebelum pilihan raya umum 1990.

(END)